

TUAN RUMAH/ MGSSNM tolak

Pesaka kesal tindakan & Harlan (M) di saat akhir

Oleh MOHD RAHIME YUSOF 12 OCT 1989

KEPUTUSAN Majlis Gabungan Seni Silat Negeri Melaka (MGSSNM) menolak tawaran menjadi tuan rumah Kejuaraan Silat Kebangsaan, bulan depan dianggap kurang wajar.

Ini kerana MGSSNM begitu lewat membuat keputusan, sedangkan sebelum ini Melaka begitu beria-ia mahu menjadi tuan rumah.

Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Rahman Hassan, berkata tindakan MGSSNM cukup menghampakan kerana ia dibuat pada saat-saat akhir menjelang kejuaraan itu.

"Saya terkejut apabila mengetahui berita itu. Tetapi, kami harap MGSSNM dapat membuat laporan lengkap mengenai kedudukan sebenar," katanya, semalam.

Kelmarin, Setiausaha MGSSNM, Salim Kassim, melaporkan bahawa Melaka terpaksa menolak tawaran Pesaka untuk menjadi tuan rumah kerana menghadapi masalah kewangan dan kesuntukan waktu.

Menurut Salim, keputusan itu diambil dalam mesyuarat MGSSNM, Sabtu lalu.

Bagaimanapun, Rahman berkata sepatutnya soal kesuntukan waktu tidak patut ditimbulkan kerana Melaka sudah mengetahui hal itu sejak tahun lalu.

Malah sebelum ini pun, MGSSNM pernah beberapa kali membuat kenyataan akhbar bahawa mereka akan menjadi tuan rumah dan menetapkan tarikh kejuaraan itu pada 24 November ini.

"Melaka memang beria-ia mahu menjadi tuan rumah sejak lalu. Di samping itu, ada pegawai-pegawai MGSSNM bercakap bahawa kerajaan negeri sedia membantu mengajurkan kejuaraan itu.

"Kenapa mereka terpaksa menarik diri pada saat akhir. Jika keputusan itu dibuat lama dahulu, Pesaka boleh memberi peluang kepada negeri lain menjadi tuan rumah," katanya.

Rahman berkata, walaupun Melaka menarik diri, Pesaka akan cuba mendapatkan negeri lain menjadi tuan rumah supaya kejuaraan tahun ini tetap diadakan.

Katanya, kemungkinan Pesaka akan meminta Selangor menjadi tuan rumah. Ini kerana negeri itu dikatakan berminat untuk menjajarkannya.

"Pesaka tidak mahu kejuaraan tahun ini gagal. Kami akan berunding dengan Majlis Seni Silat Selangor (MSSS) secepat mungkin bagi membincang perkara ini," tambah Rahman.